



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4  
Tarikh : 27 Mac 2025

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 13/2025**

Semua Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

**PENAWARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2025/2026 BAGI PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Penawaran Kursus Semester 1 Sesi Akademik 2025/2026 untuk semua pelajar Prasiswazah dan Pascasiswazah akan bermula pada **14 hingga 27 April 2025**. Sukacita pihak Fakulti/Institut/Pusat dapat membuat Penawaran Kursus semester tersebut dalam tempoh yang dinyatakan bagi memastikan proses Pendaftaran Awal Kursus Prasiswazah dan Pascasiswazah pada **9 Jun 2025 hingga 6 Julai 2025** berjalan dengan lancar dan teratur.

3. Sehubungan itu, berikut disertakan panduan penawaran kursus yang perlu diberi perhatian:

BIL.	AKTIVITI UNTUK MAKLUMAN DAN TINDAKAN	PRA SISWAZAH	PASCA SISWAZAH
1)	Kursus yang ditawarkan telah diluluskan di peringkat: i) JPPA - Kursus Elektif ii) SENAT - Kursus Wajib  Kelulusan Senat Ke-469 bertarikh 23 September 2020 adalah berkaitan.	✓	✓
2)	Semua kursus yang ditawarkan perlu disertakan dengan maklumat berikut: i) Jumlah jangkaan pelajar yang akan mendaftar pada semester berkenaan;	✓	✓



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

BIL.	AKTIVITI UNTUK MAKLUMAN DAN TINDAKAN	PRA SISWAZAH	PASCA SISWAZAH
	<p>ii) Jumlah bilangan set kursus yang bakal ditawarkan selepas mengambil kira:</p> <p>a) tahap pengajian Doktor Falsafah, Sarjana, Diploma Pascasiswazah, Prasiswazah, Antarabangsa Khas dan Tanpa Ijazah;</p> <p>b) <b>mulai Semester 1 2019/2020, penawaran kursus bagi tahap pengajian <u>pelajar ambilan UKMShape</u> ditetapkan kepada 2 sahaja iaitu tahap Antarabangsa Khas (bagi pelajar bukan Warganegara) dan tahap Prasiswazah (bagi pelajar Warganegara). Oleh yang demikian, penetapan <u>set</u> dan <u>had pelajar</u> perlu diselaraskan semula dengan mengambil kira bilangan pelajar ambilan UKMShape bagi kedua-dua tahap tersebut:</b></p> <p>1) taraf kursus (contoh: WM, W, C1 dan C2 - Prasiswazah atau W dan P - Pascasiswazah)</p> <p>2) kepada fakulti yang ditawarkan)</p> <p>iii) Setiap kursus yang ditawarkan perlu dimasukkan nama pensyarah/tenaga pengajar yang berkaitan untuk mengelakkan pertindihan jadual dengan kursus lain yang diajar dan bagi keperluan Universiti seperti UKMFolio, penilaian pengajaran dan lain-lain yang berkaitan;</p> <p>iv) Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi Semester 1 Sesi 2025/2026 akan dijalankan mengikut mod pengendalian asal program seperti mana yang telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan memaksimumkan pengendalian secara '<i>blended learning / hybrid learning</i>' (bersemuka dan dalam talian) sebagaimana ketetapan semasa Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sila rujuk <b>Pekeliling Akademik Bil. 36/2022</b> bertarikh 27 Oktober 2022 untuk penerangan lanjut;</p> <p>v) Bilik/Dewan kuliah yang dijadualkan adalah bergantung kepada jumlah pelajar mengikut set yang ditetapkan. Bagi Fakulti/Pusat yang dijadualkan oleh AKADEMIK UKM, mohon maklumkan kepada AKADEMIK UKM mana-mana ruangan yang tidak dapat digunakan pada semester yang berkenaan;</p>	<p>✓</p> <p>✓</p> <p>✓</p> <p>✓</p> <p>✓</p>	<p>✓</p> <p>✓</p> <p>✓</p> <p>Tidak Berkaitan</p>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

**ILMU, MUTU DAN**

**BUDI**

www.ukm.my

BIL.	AKTIVITI UNTUK MAKLUMAN DAN TINDAKAN	PRA SISWAZAH	PASCA SISWAZAH
	vi) Kursus yang setara (jika ada) perlu dimasukkan ke dalam SMP. Kegagalan berbuat demikian memberi kesan kepada penjadualan kuliah dan peperiksaan. Contoh kursus CITRA dan Fakulti; dan  vii) Kursus yang telah ditawarkan perlu dimodulkan mengikut program pelajar.	✓  ✓	✓  Tidak Berkaitan
3)	Fakulti/Institut/Pusat dibenarkan membuat pindaan jadual kuliah sebelum Pendaftaran Awal dimulakan. Pindaan selepas tempoh tersebut akan menyebabkan pertindanan kepada kuliah yang telah didaftarkan oleh pelajar terutama kursus luar fakulti seperti kursus CITRA. Jika pindaan terpaksa dibuat atas sebab-sebab tertentu, fakulti perlu membuat semakan keseluruhan modul pelajar berkaitan.	✓	✓
4)	Fakulti/Institut/Pusat perlu membuat pemilihan pendaftaran awal mulai <b>7 hingga 13 Julai 2025</b> . Sekiranya Fakulti/Institut/Pusat tidak membuat pemilihan, pelajar akan dikenakan denda RM50 dan diberikan status TIDAK MENDAFTAR.	✓	Tidak Berkaitan
5)	Kursus yang berbentuk projek, latihan ilmiah, disertasi, tesis dan seumpamanya perlu dimasukkan nama penyelia, nama pelajar dan tajuk projek/latihan ilmiah/disertasi/tesis pada semester semasa kursus ditawarkan (sehingga minggu ke- 5).	✓	✓

4. Sebarang pertanyaan, pihak Fakulti/Institut/Pusat boleh berhubung:


- i. **Prasiswazah** : Puan Huda Hela Ladin di talian 03-89118451 atau menerusi e-mel: [hudahela@ukm.edu.my](mailto:hudahela@ukm.edu.my)
- ii. **Pascasiswazah** : Puan Zaimi Makhtar di talian 03-89118388 atau menerusi e-mel: [zaimi@ukm.edu.my](mailto:zaimi@ukm.edu.my)



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**  
 Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
 Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461  
 E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)    Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

Sekian, perhatian dan kerjasama pihak Fakulti/Institut/Pusat berhubung perkara di atas diucapkan terima kasih.

Yang benar,



**PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
  - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah, Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
  - Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
  - Pengarah, Pusat PERMATA@Pintar Negara
  - Ketua Pentadbiran, Fakulti/Institut/Pusat
  - Semua Pegawai Tadbir (Pengajian Prasiswazah dan Pascasiswazah) Fakulti/Institut/Pusat
  - Encik Munzir Zainudin  
Ketua Penolong Pendaftar,  
Pusat PERMATA@Pintar Negara  
**(Mohon maklumkan senarai kursus yang perlu diambil oleh pelajar ASAS/pintar di fakulti/pusat berkaitan.)**



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461  
E-mel: akad@ukm.edu.my    Web: www.ukm.my/akademik

**BUDI**

**ILMU, MUTU DAN**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)